

BAB 4

ESTETIKA BENTUK/RUPA MAK YONG

4.0 PENGENALAN

Sesebuah karya seni yang dicipta mempunyai rupa yang tersendiri. Rupa karya berperanan penting dalam menonjolkan nilai-nilai estetika sesebuah karya seni khususnya karya seni tradisional. Dalam membicarakan rupa karya, estetika ditonjolkan melalui bentuk/pola gubahan.

4.1 ESTETIKA BENTUK/POLA GUBAHAN

Bentuk merupakan salah satu aspek yang menonjolkan nilai-nilai estetika yang tinggi kepada sesebuah karya. Apabila menyebut ‘bentuk’ maka akan terbayang dalam fikiran kita akan bentuk-bentuk geometri seperti bulat, bujur, empat segi tepat, empat segi bujur, tiga segi, kon dan lain-lain. Namun begitu terdapat pelbagai tafsiran yang berbeza tentang pengertian bentuk dalam konteks yang berlainan. Menyentuh persoalan bentuk dalam konteks seni, ia tidak memperlihatkan penafsiran secara geometri tetapi merupakan salah satu media komunikasi yang berkesan dalam memberi dan menyampaikan maklumat serta memberi gambaran, menyampaikan atau menyatakan sesuatu. Dengan kata lain, dalam konteks seni bentuk berperanan dan berkeupayaan dalam memperlihatkan nilai keindahan sesuatu hasil seni. Bentuk-bentuk yang berbeza akan membawa maksud yang berbeza dan nilai yang berbeza.

Dalam memberi penafsiran bentuk dalam konteks seni, Jerome Stolnitz (dalam Zakaria Osman, 1997:493) mentafsir bentuk sebagai pola gubahan unsur-unsur yang

berupaya menonjolkan bagaimana ianya saling berhubungan dalam sesebuah karya seni. Unsur-unsur rangsangan estetik dalam setiap bentuk itu berkemampuan untuk menimbulkan minat dan keseronokan khalayak. Urutan peristiwa dan hubungkait antara suatu peristiwa dengan peristiwa berikutnya dan peristiwa sebelumnya memperlihatkan sifat saling bergantungan antara satu sama lain. Gubahan inilah yang dapat ditafsirkan sebagai bentuk yang mana ia mampu menimbulkan minat dan merangsang emosi khalayak untuk terus menikmatinya. Pola gubahan ini menimbulkan keindahan pada karya yang dipentaskan. Zakaria (1997:492) mengatakan :

"Bentuk wujud apabila peristiwa, watak, suasana dan latar tempat serta cetusan rasa manusia yang dizahirkan menerusi khayalan, gerak laku dan ucapan yang digubah dan disusun oleh pengarah".

Dapat disimpulkan bahawa bentuk dapat dilihat dalam empat pengertian yang saling berkaitan iaitu :

- i) melalui penyusunan unsur-unsur pembinaan sesebuah karya yang **saling berhubungan** seperti melalui jalinan peristiwa, persoalan pokok, keseimbangan dan pertentangan yang membawa kepada penyatuan dan **merangsangkan**,
- ii) melalui **kepentingan penyataan** yang disusun mengikut kepentingan. ‘Mood’ di tonjolkan melalui penyataan/emosi.
- iii) Melalui **corak penyusunan** yang khusus bagi sesebuah karya. Sebagai Contoh pantun, sajak dan lain-lain.
- iv) Melalui pengulangan samada dari segi percakapan, pergerakan, latar masa, suasana, peristiwa dan lain-lain yang bertujuan memberi penekanan atau penegasan sesuatu idea atau perkara.

Dalam konteks seni, dapat dikatakan bahawa bentuk berperanan :

- i) mewujudkan kesan keindahan pada struktur dan keseluruhan karya Mak Yong.

Zakaria (1997 : 497) mengatakan bahawa :

“.....bentuk bukan sahaja berperanan sekadar memperjelas, memperkayakan, mengawal kompleksiti dan mewujudkan kesatuan malah juga bertanggungjawab dalam memberi nilai estetik pada sesebuah karya seni itu”.

- ii) meransang minat dan emosi khalayak.
- iii) menjadi hala tuju yang mengawal tumpuan dan membimbing serta memberi pemahaman kepada khalayak terhadap persoalan dalam karya.
- iv) mengawal kompleksiti yang terdapat dalam persembahan.
- v) Menjadi alat komunikasi yang berkesan antara persembahan dengan khalayak.

Oleh yang demikian, susunan bentuk yang baik dapat membantu khalayak memahami apa yang hendak disampaikan melalui persembahan walaupun tidak memahami dialog yang diucapkan dalam persembahan. Mengapa khalayak dari seluruh dunia dapat menikmati dan terhibur dengan persembahan “KABUKI” dari Jepun walaupun tidak memahami bahasa negara matahari terbit itu?. Persoalan ini akan terjawab apabila kita menjurus kepada persoalan komposisi bentuk persembahan tersebut. Komposisi bentuk yang saling berhubungkait antara satu sama lain telah berjaya memainkan peranan dengan begitu berkesan. Keindahan pada bentuk terletak di sini. Ia seterusnya memancarkan kesan estetika pada pementasan keseluruhannya.

Bagi memudahkan pemahaman terhadap bentuk dalam konteks seni khususnya seni persembahan, seseorang terlebih dahulu harus memahami beberapa prinsip komposisi bentuk meliputi kesatuan (*unity*), variasi (*variety*), ulangan (*repetition*),

bertentangan (*contrast*), perpindahan (*transition*), rangkaian (*sequence*), klimaks (*climaxs*), perbandingan (*propotion*), keseimbangan (*balance*) dan harmoni (*harmony*).

Kesatuan dan kepelbagaian ragam (Unity and Variety)

Dari sudut struktur persembahan cerita-cerita Mak Yong, segala peristiwa yang berlaku adalah secara tersusun tetapi mempunyai kepelbagaian. Gabungan tarian, lakonan, nyanyian dan muzik yang terdapat dalam persembahan Mak Yong boleh menghilangkan ciri-ciri keindahan sekiranya tiada kesatuan. Oleh yang demikian, bentuk dari aspek kesatuan dalam kepelbagaian berperanan penting dalam menonjolkan estetika persembahan Mak Yong.

Bentuk merupakan satu jalinan komponen-komponen yang menjadi satu kesatuan yang kukuh. Bentuk yang dimaksudkan ialah struktur, kejelasan dan kesatuan yang dihasilkan daripada hubungan antara faktor-faktor yang saling berkaitan. Secara mudahnya dapat dikatakan bahawa bentuk adalah cara atau sistem di mana komponen-komponen dijadikan satu kesatuan. Pantun misalnya mempunyai sistem yang tersendiri di mana pembayang maksud mempunyai kesatuan dengan makna. Sistem yang berbeza terdapat dalam bentuk seni yang berbeza. Gurindam, sajak, syair, pantun dan seloka mempunyai sistem yang berbeza. Cara gubahan sesebuah karya dan corak yang membentuk komponen-komponen dalam sesebuah persembahan memperlihatkan hubungkait dan saling bergantungan antara satu sama lain bagi menunjukkan kesatuan.

Menurut Dewitt H. Parker (dalam Zakaria Osman , 1997:536) :

“.....the unity of process when the earlier parts determine the later, and all together create a total meaning”.

Dengan kata lain, komponen-komponen tadi digubah dan akhirnya menjadi urutan peristiwa yang menunjukkan kesatuan dan memberi makna sehingga mampu merangsang emosi dan minat khalayak.

Dalam setiap persembahan seni terdapat pelbagai unsur-unsur yang berbeza dan bertentangan. Terdapat banyak watak, latar tempat dan peristiwa yang boleh mengelirukan khalayak. Di siniilah bentuk memainkan peranan penting dari aspek kesatuan. Kesatuan kepelbagaian unsur-unsur ini menwujudkan keharmonian yang membolehkan khalayak memahami jalan cerita dan dapat menghubungkan antara satu peristiwa dengan satu peristiwa yang lain dengan baik. Kesatuan berkeupayaan menjadikan karya lebih menarik dan memberi kejelasan kepada persoalan yang dipaparkan sehingga karya menonjolkan keindahan karya tersebut.

Unsur kepelbagaian amat ketara dalam cerita-cerita Mak Yong. Merujuk kepada cerita Raja Tangkai Hati, kepelbagaian unsur-unsurnya seperti latar waktu, watak, dunia dan alam amat ketara sekali. Terdapat gabungan watak manusia (Pak Yong dan kaum keluarganya), watak haiwan (Mak Ikan Jerung), watak jin (Puteri Bota) dan watak dewa (Dewa Bentara Guru) yang berperanan dalam cerita ini. Selain dari itu terdapat dua alam digabungkan iaitu alam dunia dan alam khayalan. Gabungan antara dunia dan alam khayalan memaparkan pergolakan dan rintangan yang dihadapi oleh manusia dalam meneruskan kehidupan. Kepercayaan animisme seperti kuasa luar biasa, mentera, sumpahan serta latar suasana seperti di lautan, di istana, di dalam rimba dan lain-lain juga terdapat di dalam cerita ini dan juga dalam lain-lain cerita Mak Yong. Pelbagai watak,

latar suasana, peristiwa dan lain-lain lagi telah diadun dengan begitu baik dan disatukan bagi memaparkan gambaran dan penyelesaian persoalan pokok yang dipersembahkan.

Setiap persoalan dan permasalahan dalam kehidupan timbul kerana bersebab. Akibat memungkiri janji untuk berkahwin dengan Puteri Bota maka Raja Tangkai Hati sekeluarga telah di timpa bencana. Bencana ini bermula dari perasaan kecewa dan dendam. Gabungan kesemua unsur-unsur tadi telah menyumbang ke arah satu keseluruhan bagi memaparkan persoalan pokok. Jelasnya kepelbagaian dibentuk menjadi satu kesatuan dan setiap kepelbagaian itu menyumbang kepada satu keseluruhan yang bermakna sepertimana yang dikatakan oleh Jerome Stolnitz (dalam Zakaria Osman, 1997:511) :

“.....each of the elements contributes something which is indispensable to the value of the whole”.

Pengulangan (Repetition)

Pengulangan merupakan salah satu komposisi bentuk dalam karya seni. Pengulangan bertujuan memberi penekanan, menegaskan sesuatu dan memperjelaskan sesuatu perkara yang dipersembahkan. Unsur-unsur yang diulang berperanan :

- i) membantu dalam memperlihatkan kesinambungan cerita.
- ii) membantu khalayak untuk mengingati peristiwa, watak, suasana dan lain-lain yang dipersembahkan sebelumnya.
- iii) memperlihatkan hubungan dan kesinambungan antara unsur-unsur yang terdahulu dipersembahkan dengan yang sebelumnya dan apa yang sedang dihayati dengan apa yang akan berlaku selanjutnya.

- iv) Membolehkan sesebuah karya dilihat sebagai satu objek seni.
- v) Menambahkan kefahaman dan keyakinan khalayak terhadap apa yang cuba dijelaskan dan dipaparkan misalnya watak, peristiwa, suasana dan sebagainya.

Dalam sesebuah persembahan, pengulangan dilakukan dalam pelbagai aspek seperti pengulangan dari segi ucapan/kata-kata, ayat, frasa, latar tempat, latar suasana, watak, gerak laku, penerangan dan lain-lain yang digunakan dalam membina sesebuah karya. Pengulangan dapat dikesan dalam dua gaya iaitu pengulangan yang pelbagai dan pengulangan yang dijangkakan. Pengulangan yang pelbagai dapat dikatakan pengulangan pada unsur/perkara yang sama yang dilakukan bagi tujuan melahirkan kesan yang berbeza. Sementara itu bentuk pengulangan yang dijangkakan ialah pengulangan yang memberi kesan bagi merealisasikan atau memberi kesan kesungguhan atau bukti kepada apa yang dipaparkan.

Beberapa bentuk pengulangan dapat dikesan dalam cerita Raja Tangkai Hati umpamanya pengulangan dalam bentuk pengucapan menyeru nama sendiri setiap kali membuat sesuatu tindakan atau memohon sesuatu. Pengulangan ini adalah bertujuan memberi kesan bagi merealisasikan bukti kepada apa yang dipaparkan. Contohnya :

- i. Ketika hendak memulakan pelayaran Raja Tangkai Hati Menyeru :

“ Maka yaalah diri aku orang kata Raja Tangkai Hati antara ka seorang, maka baiklah di sini tempat aku nak bermohon berpaling belakang terdengar ayahanda pada diri aku pada waktu ni ketika ni pulanya ”.

(Raja Tangkai Hati 1999 : 7)

- ii. Selepas sauh bahtera dinaikkan Raja Tangkai Hati menyeru angin :

" Maka yaalah diri aku Raja Tangkai Hati antara ka saorang. Maka baiklah di sini tempat pulanya aku nak berdiri akan kaki tunggal aku nak meminta akan angin barat selatan daya ribut angin barat tenggara muda turun pada waktu ni ketika ni pulanya ".

(Raja Tangkai Hati 1999 :15)

Rangkaian dan klimaks

Bentuk rangkaian dalam persembahan membolehkan khalayak memahami apa yang cuba dipaparkan dari awal hingga ke akhir. Kesemua yang dipaparkan mempunyai hubungan dan saling menjelaskan. Apa yang terdahulu dipaparkan memberi kejelasan kepada apa yang akan berlaku. Penekanan dalam sesebuah karya seni seringkali mengikut kepentingannya dalam memaparkan sesuatu persoalan. Semakin hampir kepada persoalan maka semakin pentinglah peristiwa tersebut. Dengan kata lain, setiap peristiwa disusun mengikut tahap kepentingannya dalam sesebuah karya.

Dalam cerita Raja Tangkai Hati, kemunculan Puteri Bota merupakan peristiwa penting di mana peristiwa ini merupakan punca bermulanya krisis. Melalui pengucapannya, Puteri Bota menyatakan hasratnya untuk membala dendam terhadap Raja Tangkai Hati yang telah memungkiri janji dan telah melukakan hatinya. Bermula dari perasaan dendam puteri Bota telah menghalang pelayaran Raja Tangkai Hati. Dia kemudiannya telah memperdayakan putera-putera Raja Tangkai Hati lalu menculik Puteri Cempaka Emas iaitu Permaisuri Raja Tangkai Hati dan menukar wajahnya menyerupai Puteri Cempaka Emas bagi membolehkan dia mendampingi Raja Tangkai Hati. Khalayak semakin ingin untuk mengetahui apakah yang akan terjadi setelah Puteri Bota berjaya menawan Tuan puteri Cempaka Emas dan menukar wajahnya

menyerupai tuan puteri tersebut. Di sinilah letaknya keindahan pada rangkaian cerita yang diolah dan disusun dengan begitu indah sekali.

Dalam persembahan Mak Yong yang lain, misalnya dalam cerita Gading Bertimang krisis bermula apabila puteri Gading Bertimang diculik oleh seekor gajah di dalam Taman Banjaran Sari. Raja Besar negeri Se Pancak Alas telah menawarkan sesiapa yang berjaya menyelamatkan puterinya akan dikahwinkan dengan puteri tersebut. Krisis ini terjadi kerana Raja Besar yang pada mulanya berniat untuk mengahwinkan puterinya dengan Gajah Bergading Putih telah menunangkan puterinya dengan Raja Palembang. Krisis ini menambat khalayak untuk mengikuti kisah seterusnya.

Jelasnya setiap persoalan yang dikemukakan ada jawapannya dan setiap krisis ada penyelesaiannya. Tumpuan dan perhatian harus diberikan kepada persembahan bagi membolehkan khalayak memahami rangkaian peristiwa, suasana, bahasa, gerak dan lain-lain aspek bagi memahami apa yang berlaku di kemuncak konflik dan apakah penyelesaian kepada konflik tersebut. Kebiasaan jalinan peristiwa dalam cerita mak Yong adalah didasarkan kepada sebab dan akibat yang merupakan rangkaian yang saling berhubung dan menuju ke satu puncak/klimaks. Rangkaian mengikut kepentingan membimbangi khalayak memahami kemuncak persoalan dan peleraianya. Ia juga meningkatkan mutu keindahan sesebuah karya.

Klimaks pula merupakan kemuncak persoalan yang dipaparkan. Dalam cerita Raja Tangkai Hati, tindakan Puteri Bota menawan Puteri Cempaka Emas dan mempengaruhi Raja Tangkai Hati merupakan klimaks cerita. Khalayak memahami persoalan yang ingin dipaparkan apabila sesebuah persembahan mencapai klimaks.

Sementara itu peleraian masalah pula merupakan anti klimaks kepada sesebuah persembahan karya seni. Kemunculan semula putera-putera baginda untuk membala dendam lalu membunuh Puteri Bota merupakan anti klimaks. Perkara yang sama juga terlihat dalam cerita Gading Bertimang di mana Budak Chabut berjaya membunuh gajah yang mencolek tuan puteri. Gajah tersebut hilang dan hanya meninggalkan kulitnya manakala Budak Chabut enggan mengahwini tuan puteri. Dia lalu memperkenalkan dirinya sebagai Dewa Karma Jaya iaitu putera kedua Raja Besar yang hilang semasa kecil manakala gajah yang dibunuhnya ialah putera sulung Raja Besar iaitu Dewa Bentara Oma yang juga hilang sewaktu kecil yang kini tinggal di langit.

Bentuk rangkaian yang diolah dalam sesebuah persembahan mendorongan perasaan ingin tahu khalayak. Oleh itu ia mengarah kepada penghayatan dan penelitian yang kemudiannya merangsang emosi khalayak sehingga terlibat sama dengan emosi dalam setiap peristiwa yang dihayati. Hubungan yang wujud antara sebab dan akibat serta hubungan antara setiap unsur yang dipertontonkan dalam sesebuah karya ini berjaya menimbulkan kesan estetik pada keseluruhan karya. Gabungan kesemua aspek ini menonjolkan keindahan seni tersebut.

Sebagai contoh, ketika menonton persembahan Mak Yong Raja Tangkai Hati, babak ketika Raja Tangkai Hati memukul putera-puteranya amat menyentuh perasaan. Kesan ini ditambah pula dengan tangisan dan rayuan putera-puteranya. Aksi Peran yang cuba melindungi putera-putera tersebut dari terus dipukul oleh ayahandanya sambil menasihati raja dan merayu turut menambahkan impak ke atas suasana tersebut dan berjaya mengusik emosi khalayak. Dari permerhatian pengkaji terdapat khalayak yang

mengeluh dan menggelengkan kepala sebagai tanda simpati ketika melihatkan aksi tersebut. Reaksi ini menunjukkan adanya hubungan antara cerita dengan emosi khalayak. Kesan emosi ini membantu tumpuan dan ingatan semasa menonton.

Bertentangan, Perbandingan dan keseimbangan

Dalam karya seni terdapat unsur-unsur bertentangan dan perbandingan. Kedua-dua unsur ini bukan sahaja wujud dalam realiti tetapi menonjolkan kesan estetika dalam sesebuah karya. Peristiwa bertentangan yang digambarkan ialah seperti bahagia dan derita, suka dan duka, kaya dan miskin dan lain-lain lagi. Dalam cerita Raja Tangkai Hati, contoh unsur-unsur yang bertentangan ialah kebahagiaan bagi Raja Tangkai Hati dan penderitaan bagi Puteri Bota, kecantikan Puteri Cempaka Emas dan kejelekan Puteri Bota, kepintaran raja dan kebodohan Peran, kelembutan Puteri Cempaka Emas dan keganasan Puteri Bota dan lain-lain lagi. Dari sudut perbandingan peristiwa pula dapat dilihat di mana tatkala Puteri Bota dan Raja Tangkai Hati berkasih-kasihan, Puteri Cempaka Emas menderita akibat terkena sumpahan.

Namun begitu bagi menambahkan kesan estetik pada karya unsur-unsur imbalan simetri diselitkan. Imbalan yang dimaksudkan ialah imbalan yang mempunyai sifat yang sama dan memudahkan kita menghayati apa yang terjadi. Sebagai contoh watak peran dan raja. Walaupun Peran seorang pengasuh raja tetapi beliau juga merupakan penasihat raja. Ada kalanya idea yang dikemukakannya berguna. Bagi raja pula ada kalanya ia mengambil tindakan tanpa berfikir. Dari sini jelas memperlihatkan keseimbangan sifat manusia kerana setiap manusia mempunyai kelebihan dan

kekurangannya. Selain dari itu apabila kita menghayati suasana kegembiraan kita teringatkan gambaran kesedihan. Imbangan ini memberi kepuasan kepada khalayak.

Harmoni

Keharmonian wujud dalam sesebuah karya seni bertujuan bagi memberi penjelasan terhadap sesuatu persoalan. Kejahanan akan dibalas dengan kemusnahan manakala kebaikan akan dibalas dengan kegembiraan. Konflik yang timbul dalam cerita Raja Tangkai Hati telah membawa perpecahan dalam sistem kekeluargaannya. Khalayak tertekan akibat dari perpecahan tersebut. Bagi mengembalikan suasana dan mengjudkan keharmonian dalam cerita dan emosi khalayak, konflik tersebut diselesaikan dan diakhiri dengan kebahagiaan. Penyelesaian yang harmoni ini bukan sahaja memberi kepuasan kepada khalayak malah tidak meninggalkan khalayak dengan persoalan yang tidak terjawab atau tidak diselesaikan.

Dalam cerita Raja Tangkai Hati, Puteri Bota yang melakukan kesalahan dan penginiayaan telah menerima hukuman yang setimpal dengan perbuatannya. Perpecahan yang berlaku telah berjaya diselesaikan. Situasi kembali tenteram dan harmoni. Konflik yang timbul dan mengusutkan fikiran khalayak dapat diatasi. Cerita berakhir dengan kegembiraan. Penyelesaian sebegini dapat menenangkan fikiran khalayak dan memberi kepuasan.

Setiap persembahan cerita-cerita Mak Yong diakhiri dengan peristiwa yang menggembirakan. Perpecahan yang terjadi dapat diselesaikan dan keharmonian dan perpaduan diwujudkan kembali. Keharmonian ini bukan sahaja memberi kesan psikologi

kepada pelakon dan khalayak malah berupaya memberi ketenteraman dan pengajaran kepada masyarakat seluruhnya betapa perpaduan itu lebih kukuh dan mempunyai kekuatan berbanding perpecahan. Di sinilah letaknya keindahan pada Mak Yong dan kesenian tradisional yang lain berbanding dengan teater moden yang sering meninggalkan khalayak dengan persoalan dan membiarkan mereka mencari jawapan kepada persoalan-persoalan yang telah dikemukakan.

4.2 KESIMPULAN

Dari apa yang diperbincangkan tadi jelas menunjukkan betapa besarnya peranan bentuk dalam menonjolkan nilai-nilai estetika dalam sesebuah persembahan. Gabungan setiap komposisi bentuk dalam cerita-cerita Mak Yong menyerlahkan nilai-nilai intrinsik yang terdapat dalam setiap persembahan Mak Yong. Setiap babak yang dipersembahkan mempunyai kesinambungan dengan babak sebelum dan selepasnya. Urutan babak ini menjadikannya sebagai satu rangkaian cerita yang saling melengkapi antara satu sama lain dan menjadikan ia bermakna.

Makna-makna yang tersurat dan yang tersirat di dalam persembahan Mak Yong menyerlahkan estetika persembahan tersebut. Ciri-ciri cerita Mak Yong yang berakhir dengan adegan kebahagiaan dan kemakmuran amat menyenangkan yang menyerlahkan lagi estetika karya tersebut. Khalayak dapat merasakan kepuasan dari apa yang dipersembahkan dan ini menambahkan lagi pengalaman estetika mereka. Pengalaman ini amat berguna dalam menilai keindahan sesebuah karya hasil seni.